

**BN Jasin Beri Komitmen Bantu Calon PRU-13 Pilihan Pucuk Pimpinan Parti
Bernama
20 Februari, 2013**

MELAKA, 20 Feb (Bernama) -- Anggota Barisan Nasional (BN) bahagian Jasin menyatakan komitmen membantu sesiapa sahaja calon yang dipilih pucuk pimpinan parti pada pilihan raya umum ke-13 (PRU-13) akan datang.

Anggota Parlimen Jasin Datuk Wira Ahmad Hamzah berkata mereka menyerahkan keputusan pemilihan calon kepada kebijaksanaan kepimpinan tertinggi BN kerana yakin calon yang dipilih mampu membawa kejayaan besar kepada parti itu.

"Kita akan memberikan sokongan kepada siapa saja yang dipilih pemimpin bahkan itulah yang sebenarnya pendirian daripada seluruh ahli parti BN," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) RM200 kepada 786 nelayan kawasan Melaka Selatan melibatkan bayaran keseluruhan RM157,200 di sini, Rabu.

Turut hadir Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Melaka/Negeri Sembilan Baharin Omar.

Beliau berkata anggota BN Jasin kini aktif melaksanakan pelbagai program mendekati rakyat dalam usaha memastikan kawasan Parlimen Jasin yang merupakan kubu kuat BN dapat dipertahankan.

Ahmad yang juga Ketua Umno Bahagian Jasin berkata pihaknya yakin keputusan PRU-13 khususnya di Jasin akan memihak kepada BN berdasarkan suasana dan semangat yang tinggi di kalangan jentera BN dan pengundi.

"Ini dapat dilihat melalui keputusan pilihan raya kecil Merlimau pada Mac 2011 di mana BN bukan sahaja mencapai tahap yang membanggakan bahkan telah melepasi serta mengatasi keputusan PRU-12 yang lepas," katanya.

Mengulas perkara itu, Ahmad berkata sehingga kini 64,008 pengundi telah berdaftar di kawasan Parlimen itu dengan kira-kira empat peratus daripadanya merupakan pengundi baharu.

Terdahulu, beliau berkata kerajaan memperuntukkan RM47 juta bagi membaiki dan menaiktaraf infrastruktur beberapa jeti nelayan di Parlimen Jasin termasuk jeti Umbai, Pulau dan Serkam.

"Kesemua jeti itu telah siap sepenuhnya pada 2011 dan pembaikan dua lagi jeti di Sebatu dan Sungai Rambai sedang dilaksanakan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=929158>